

Headline	Demam Euro bermula		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 May 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	121 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,192		



## Demam Euro bermula

WALAUPUN kejohanan bola sepak Eropah 2016 (Euro 2016) yang dihoskan Perancis bermula pada 10 Jun ini, tetapi demam bola sepak itu sudah melanda ibu negara.

Kejohanan futsal media anjuran Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC) dan ditaja Tenaga Nasional Berhad (TNB), 28 Mei ini akan menyaksikan para peserta menyarung jersi pasukan yang berentap pada kejohanan bola sepak itu.

"Setiap pasukan futsal akan diberikan set jersi satu daripada pasukan kebangsaan Eropah," kata

Pengurus Besar Kanan TNB (Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi), Datuk Ir Mohd Aminuddin Mohd Amin.

Sementara itu, Presiden NPC, Datuk Mokhtar Hussain berkata, kejohanan futsal itu bertujuan memupuk semangat kesukanan dan keakraban di kalangan wartawan, jurugambar dan jurukamera.

Juara kejohanan akan menerima RM2,000, naib juara RM1,500, tempat ketiga RM1,200 pasukan dan pemenang tempat keempat menerima RM800.



Mohd Aminuddin (tiga, kiri) dan Mokhtar (tiga, kanan) pada majlis penyerahan jersi Kejohanan Futsal Media TNB NPC 2016, kelmarin.